

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 2 JANUARI 2017 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tiga sungai di pantai timur lepasi paras bahaya	Harian Metro

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 24
TARIKH : 02 JANUARI 2017 (ISNIN)

Tiga sungai di pantai timur lepasi paras bahaya

Kuala Lumpur: Tiga sungai di pantai timur sudah melepasi paras bahaya berikutan hujan lebat yang melanda negeri berkenaan sejak tiga hari lalu.

Pengarah Bahagian Korporat Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Malaysia Datuk Mohd Azmi Ismail berkata, sungai berkenaan ialah satu di Terengganu dan dua di Kelantan.

Beliau berkata, setakat jam 3 petang semalam, bacaan Sungai Nerus di Kampung Langkap, Setiu, Terengganu dicatatkan ialah 21.53 meter melepasi bahaya 21.50 meter.

"Sungai Golok, Rantau Panjang, Kelantan bacaannya 9.25 meter (bahaya sembilan meter).

"Manakala bacaan Sungai Kelantan di Tanah

Merah pula ialah 18.06 meter (bahaya 16 meter)," katanya.

Namun begitu katanya, bacaan sungai terbabit dijangka tidak menjadi lebih teruk kerana tiada amaran hujan dalam masa terdekat dikeluarkan setakat ini.

"Kita minta penduduk sentiasa berwaspada dan mematuhi arahan yang dikeluarkan pihak berkuasa.

"Pada masa yang sama menasihati mereka supaya tidak menghampiri sungai terbabit (bacaan melepasi paras bahaya) bagi mengelakkan insiden tidak diingini terjadi," katanya.

Sementara itu Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Datuk Che Gayah Ismail berkata, berdasarkan tinjauan jabatan berkenaan menjangkakan negeri di Pantai Barat

Semenanjung akan menerima hujan pada waktu pagi serta hujan dan ribut petir di satu dua tempat di semua negeri pada waktu petang dan awal malam bermula semalam.

"Ia berikutan angin barat dan barat daya mula memasuki rantau negara tetapi keadaan itu tidak menyebabkan banjir di negeri berkenaan," katanya.